



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

4 MAC 2026 (RABU)

Kerajaan Laksana Kajian Menyeluruh Ternakan Khinzir, Ambil Kira Semua Aspek

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Fokus	Dalam Talian	3 Mac



Foto hiasan. Foto NSTP

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang melaksanakan satu kajian terhadap industri penternakan khinzir bagi menilai keseluruhan rantai sektor itu secara holistik, merangkumi aspek perundangan, teknikal, ekonomi dan sosial.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan amat peka terhadap sensitiviti masyarakat tempatan berkaitan isu penternakan khinzir dan akan memastikan setiap perancangan dibuat

secara berhati-hati.

Beliau berkata, hasil kajian berkenaan akan menjadi asas kepada penambahbaikan dasar serta mekanisme pelaksanaan yang lebih komprehensif bagi memastikan pembangunan industri itu dapat dilaksanakan secara terancang dan bertanggungjawab, selaras dengan aspirasi menjaga keharmonian masyarakat setempat.

“Segala perancangan dan pelaksanaan akan

mengambil kira aspek kelestarian alam sekitar, kesejahteraan komuniti, kesihatan awam serta keharmonian sosial.

“Pendekatan yang seimbang dan inklusif akan diguna pakai supaya kepentingan semua pihak dapat dipelihara,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi jawapan bertulis di laman sesawang Parlimen bagi menjawab pertanyaan Ahli Dewan Negara, Tan Sri Low Kian Chuan berhubung rancangan kerajaan bekerjasama dengan kerajaan negeri Selangor membangunkan penternakan babi moden dan lestari bagi memastikan bekalan mencukupi serta mengurangkan import.

Mohamad berkata, pembangunan sistem penternakan khinzir moden yang berpusat dan lestari alam sekitar memerlukan pendekatan yang menyeluruh, tersusun serta mengambil kira bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

“Hal ini kerana kerajaan negeri mempunyai kuasa kawal selia terhadap aktiviti penternakan serta pengurusan dan penggunaan tanah di bawah bidang kuasa masing-masing,” katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan setakat ini, daripada 355 ladang khinzir berdaftar di seluruh negara, sebanyak 121 ladang atau 34 peratus sudah beralih kepada Sistem Penternakan Moden (Modern Pig Farming – MPF) berasaskan sistem kandang tertutup (Closed House System) dan konsep sifar pelepasan (Zero Discharge).

Beliau berkata, pelaksanaan MPF bertujuan meningkatkan tahap biosekuriti, mengawal pelepasan sisa ternakan secara lebih sistematik serta mengurangkan risiko penularan penyakit seperti Demam Babi Afrika (ASF).

“Pendekatan itu juga menyokong pengurusan ladang yang lebih cekap dan mesra alam selaras dengan pembangunan mampan.

“Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) akan terus memantau dan menggalakkan peralihan secara berperingkat mengikut kesediaan serta kemampuan penternak,” katanya bagi menjawab pertanyaan Ahli Dewan Negara, Datuk Wu Him Ven.-
[BULETINTV3](#)

Reban Ayam Terbengkalai Bukit Nenasi, Bukit Lawang Dalam Radar Pemulihan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TRDI	Berita	Dalam Talian	3 Mac



Gambar Hiasan

DUNGUN, 3 Mac - Kejayaan pemulihan Reban Ayam Baruh Masin di Hulu Besut menjadi pemangkin kepada usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk memulihkan lebih banyak aset pertanian yang telah uzur bagi memperkukuh agenda keterjaminan makanan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dato' Dr. Azman Ibrahim berkata, selepas fasiliti di Baruh Masin

kembali beroperasi pada awal 2025 dan berjaya mengeluarkan enam pusingan ternakan ayam dengan kapasiti 25,000 ekor bagi setiap pusingan.

Menurutnya tumpuan kini beralih kepada beberapa lagi reban milik kerajaan yang terbiar dan memerlukan naik taraf.

Kata beliau, antara fasiliti 'sakit' yang dikenal pasti ialah Reban Ayam Bukit Lawang, Setiu serta reban ayam tertutup Bukit Nenasi di Kuala Nerus milik Jabatan

Perkhidmatan Veterinar Terengganu.

"Reban ayam tertutup Bukit Nenasi Kuala Nerus milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu antara yang berada dalam radar Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja baik pulih dan naik taraf pada tahun ini.

"Ia sebahagian usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar kecukupan bekalan ayam di negeri ini," katanya menerusi sebuah hantaran, semalam.

Beliau menjelaskan, pembinaan baharu kompleks reban tertutup memerlukan kos jutaan ringgit, justeru pendekatan kerajaan adalah memulihkan fasiliti sedia ada sebagai langkah lebih berhemah dan menjimatkan wang rakyat.

"Strategi kita menumpukan kepada pemuliharaan fasiliti sedia ada demi menjimatkan wang rakyat seterusnya mengembalikan manfaat kepada rakyat," ujarnya.

Terkini, Kerajaan Negeri sedang menunggu kelulusan peruntukan di bawah dana kerjasama keterjaminan makanan antara kerajaan negeri dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi tujuan itu.

"Kita sedang menunggu

peruntukan. Kalau diluluskan, dia adalah peruntukan bawah dana kerjasama keterjaminan makanan kerajaan negeri dan juga KPKM.

"Sekiranya mendapat peruntukan, insya-Allah kerja-kerja (pemuliharaan) itu boleh disiapkan dalam masa sebelum daripada akhir tahun," ulasnya.

Dato' Dr. Azman berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Program Agihan Lesen Sampan Nelayan 2026 siri ketiga di Seberang Pintasan, Dungun, pagi tadi.

Tambahnya, kejayaan di Baruh Masin membuktikan aset lama yang dipulihkan mampu kembali menjana hasil dan memberi impak langsung kepada kestabilan bekalan ayam negeri, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar.

"Ada lagi beberapa aset yang terbiar, yang akan kita bolehkan untuk memberi manfaat kepada rakyat kita," katanya ringkas.-TRDI

552 Tan Ayam, Daging Tamat Tempoh Dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah News Today	Jenayah	Dalam Talian	4 Mac



PENAMPANG: Lebih 552 tan ayam dan daging sejuk beku bernilai RM14.56 juta dirampas dalam serbuan bersepadu di sebuah premis di Kampung Nambazan, Donggongon, semalam.

Operasi jam 10 pagi itu membabitkan Pasukan Polis Marin Wilayah 4, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Komander Pasukan Polis Marin Wilayah 4 Sabah, ACP Ahmad Amri Abd Rahman berkata, pemeriksaan

mendapati premis berkenaan dipercayai dijadikan tempat penyimpanan produk ayam dan daging dalam kuantiti sangat besar.

Pemeriksaan lanjut mendapati sebahagian produk sudah tamat tempoh selain wujud keraguan terhadap dokumen yang dikemukakan.

Seorang lelaki tempatan ditahan bagi membantu siasatan.

Rampasan melibatkan 552,851.24 kilogram produk

serta sebuah fasiliti 'cold storage', dengan nilai keseluruhan RM14,560,149.15.

Kes disiasat mengikut Akta Perkhidmatan Veterinar 2015 dan Akta Makanan 1983.-
[SABAHNEWTODAY](#)

Lebih 550 Tan Produk Sejuk Beku Dirampas Di Donggongon

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Dalam Talian	4 Mac



GAMBAR

PENAMPANG, 4 Mac (Bernama) -- Lebih 550 tan produk ayam dan daging sejuk beku dirampas dalam serbuan Ops Bersepadu dijalankan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah bersama beberapa agensi berkaitan di Donggongon di sini, semalam.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah ACP Ahmad Amri Abd Rahman berkata operasi bermula 10 pagi di Kampung Nambazan itu dilaksanakan susulan keraguan terhadap status serta dokumentasi produk berkenaan.

Beliau berkata pemeriksaan oleh Kementerian Kesihatan mendapati sebahagian produk yang dijumpai telah melepasi tarikh luput.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar turut membuat pengesahan terdapat keraguan terhadap dokumen dikemukakan kerana wujud ketidakpatuhan undang-undang berkaitan keselamatan makanan dan peraturan veterinar," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata tindakan penguatkuasaan itu

dilaksanakan hasil maklumat serta perkongsian risikan antara agensi yang terlibat bagi memastikan keselamatan makanan dan kepentingan pengguna terus terpelihara.

"Serbuan dilakukan ke atas sebuah premis yang disyaki menjadi hab penyimpanan produk tersebut. Hasil serbuan telah membongkar jumlah kuantiti bahan mentah sejuk beku yang sangat besar disimpan di premis itu," katanya.

Seorang lelaki warga tempatan ditahan bagi membantu siasatan dan operasi itu turut merampas sebuah fasiliti penyimpanan sejuk beku, menjadikan jumlah keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM14,560,149.15.

Beliau berkata kes disiasat di bawah Akta Perkhidmatan Veterinar 2015 dan Akta Makanan 1983. -[BERNAMA](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR